



## **TEKS UCAPAN**

### **MAJLIS PERASMIAN PENYAMPAIAN DIVIDEN RANCANGAN TANAM BARU BERKELOMPOK (RTBB) RISDA NEGERI KELANTAN**

**OLEH  
YANG BERBAHAGIA TAN SRI RAHIM BIN TAMBY CHIK  
PENGERUSI RISDA**

DEWAN SEKOLAH KEBANGSAAN TOK BOK,  
MACHANG, KELANTAN  
26 SEPTEMBER 2008  
8.30 PAGI

Salutation

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Dihormati Tn. Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat)  
Mewakili Ketua Pengarah RISDA

Yang Dihormati Tn. Hj. Khalid bin Awang Said  
Pengarah RISDA Negeri Kelantan

Yang Dihormati Tn. Hj. Ahmad Jazlan bin Dato' Yaakob  
Ketua UMNO Bahagian Machang

Para jemputan dan Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormat  
Sekelian

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

## **1. PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, dapat kita berkumpul di Majlis Penyampaian Dividen Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB) RISDA Negeri Kelantan Tahun 2008.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada RISDA khususnya RISDA Negeri Kelantan kerana

3

sudi menjemput saya untuk memberi ucapan dan seterusnya merasmikan majlis pada hari ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tn. Hj. Ahmad Jazlan bin Dato' Yaakob, Ketua UMNO Bahagian Machang serta Tuan Pegawai Pembangunan Jajahan dan JPP Tanah Merah/Machang/Jeli kerana sudi hadir sama dalam majlis yang amat bermakna ini.

4

## **2. RANCANGAN TANAM BARU BERKELOMPOK (RTBB)**

Akta RISDA 1972 memberi kuasa kepadanya untuk memiliki tanah estet dan menjalankan kerja-kerja pembangunan ladang. Berasaskan kuasa ini, RISDA telah membuat permohonan ke atas tanah-tanah kepada kerajaan-kerajaan negeri dan membangunnya sebagai ladang Rancangan Tanam Baru Berkelompok ( RTBB).

Pihak RISDA telah membangunkan ladang rancangan tanam baru berkelompok ( RTBB). Sebanyak *29 buah* ladang getah dan kelapa sawit dengan keluasan *125,847 ekar (50,929 hektar)* telah dibangunkan.

5

*buah* daripada ladang-ladang di atas dengan keluasan *105,635 ekar (42,749 hektar)* adalah daripada tanah kurniaan kerajaan negeri sementara *5 buah* lagi dengan keluasan *20,212 ekar (8,180 hektar)* merupakan estet yang dibeli dengan kewangan RTBB dalam tempoh 1990 – 1994.

Rancangan tanam baru berkelompok (RTBB) adalah salah satu usaha kerajaan untuk membantu pekebun getah yang berpendapatan rendah. Rancangan ini adalah selaras dan bertepatan dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar.

6

Pekebun kecil yang layak menyertai RTBB adalah mereka yang memiliki tanah getah 7 *ekar* (2.83 *haktar*) atau kurang pada atau sebelum 31 *disember* 1970. Sungguhpun begitu, pekebun kecil yang diiktiraf sebagai peserta RTBB adalah mereka yang memohon untuk menyertai skim dan diberi kelulusan oleh RISDA berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- i. Membuat permohonan secara rasmi;
- ii. Memiliki tanah getah 7 *ekar* (2.83 hektar) atau Kurang pada atau sebelum 31 *disember* 1970;
- iii. Belum menggunakan hak tanam baru;

7

- iv. Memegang saham (menjadi ahli) dalam koperasi yang memiliki tanah.

Oleh kerana keluasan tanah-tanah kurniaan daripada kerajaan-kerajaan negeri adalah terhad untuk memberi kemudahan tanam baru kepada semua pekebun kecil yang layak. Dan ini ditambah pula dengan masalah beberapa kerajaan negeri meletakkan syarat supaya pekebun kecil yang layak kepada tanah kurniaan dihadkan mengikut negeri masing-masing, maka permohonan menyertai RTBB telah digantung pada tahun 1977. Setakat tempoh tersebut,

pekebun kecil yang telah memohon dan diluluskan penyertaan dalam RTBB ialah seramai *16,080 orang*.

RISDA telah membangunkan tanah-tanah ini untuk dijadikan ladang kelapa sawit dan getah. Semua ladang-ladang ini telah diurus dengan baik oleh anak syarikat RISDA iaitu, *Estet Pekebun Kecil Sdn. Bhd. (ESPEK)* hinggalah ke peringkat pengeluaran hasil.

9

Ladang RTBB telah mula mendapat keuntungan mulai tahun 1982. Setakat 30 Jun 2008, dividen yang telah dibayar kepada peserta hasil keuntungan ladang RTBB adalah sebanyak RM 192 juta.

Alhamdulillah, pada hari ini tuan-tuan dan puan-puan akan menerima dividen daripada keuntungan ladang RTBB. Saya berharap dividen ini dapat digunakan dengan sebaik-baiknya khususnya untuk menyara hidup seharian dan sekiranya ada lebihan elok kita tanamkan semangat menabung.

### **3. KENAIKAN KOS PEMBANGUNAN TANAM SEMULA**

Kenaikan harga petroleum baru-baru ini telah menyebabkan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. Ini telah menyebabkan kos pengeluaran dalam pelbagai sektor meningkat termasuk sektor pertanian.

Peningkatan kos pembangunan kebun turut dialami oleh sektor pekebun kecil yang terlibat dengan aktiviti penanaman semula. Kos pembangunan yang terlibat termasuk kos penyediaan kebun, kos benih dan baja serta kos penyelenggaraan. Peningkatan yang

11

paling ketara melibat peningkatan kos baja iaitu 52% bagi getah dan 102% bagi sawit.

Bagi meringankan beban kos penanaman semula getah oleh pekebun kecil khususnya mereka yang memiliki tanah 2.5 hektar dan mengusahakan sendiri, saya difahamkan RISDA sedang menimbang beberapa langkah termasuk subsidi kos benih dan membiayai kos prasarana bagi kebun berkelompok sebanyak RM2,000 sehektar.

Saya berharap langkah ini dapat membantu pekebun kecil serba sedikit mengatasi masalah kenaikan kos pembangunan tanam

12

semula getah. Dalam masa yang sama saya minta pekebun kecil yang menanam semula juga menggunakan hasil pendapatan dari jualan kayu getah untuk menampung kos tanam semula ini.

#### **4. BANTUAN BENCANA ALAM**

Kerajaan amat prihatin atas mangsa bencana alam dan satu lagi usaha yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan melalui RISDA adalah bantuan bencana alam. Bantuan ini diwujudkan bagi membantu pekebun kecil yang mengalami kerosakan kebun akibat bencana alam seperti:-

13

- i. Banjir
- ii. Kebakaran
- iii. Angin Ribut
- iv. Serangan Gajah
- v. Wabak Penyakit
- vi. Kemarau Luar Biasa

Nilai kerosakan yang dialami oleh pekebun kecil akibat bencana alam amatlah besar. Contoh pada 2006, nilai kerosakan yang

14

dialami oleh pekebun kecil berjumlah RM4.7 juta manakala pada 2007, nilai kerosakan meningkat kepada RM 13 juta.

Bagi kebun-kebun yang masih dalam bantuan tanam semula, pekebun kecil akan dibantu menggunakan peruntukan rancangan pemuliharaan kebun (RPK). Nilai bantuan bergantung kepada perbelanjaan yang diperlukan untuk baik pulih kebun.

Bagi kebun-kebun yang telah habis bantuan tanam semula, saya difahamkan RISDA sedang mengkaji kemungkinan wang ses digunakan untuk membaikpulihan kebun pekebun yang terlibat.

15

## **5. PRODUKTIVITI KEBUN**

Kawasan tanah yang sesuai untuk dibangunkan bagi bidang pertanian mulai terhad. Konsep RTBB yang dilaksanakan dalam tahun-tahun 70an mungkin tidak praktikal lagi. Begitu juga dengan pekebun kecil yang mempunyai keluasan kebun yang terhad iaitu purata 2.2 hektar seorang.

Oleh yang demikian, satu tindakan pro aktif perlu diambil oleh semua pihak bagi memastikan produktiviti kebun sedia ada dapat ditingkatkan walaupun mempunyai keluasan tanah yang terhad seperti mana petani di negara Jepun dan Korea. Perkara ini sebenarnya boleh dibuat. Dalam pengeluaran getah contohnya,

16



walaupun keluasan tanaman getah telah menurun dari 1.28 juta hektar ke 1.03 hektar antara tahun 1998 hingga 2007, namun pengeluaran telah meningkat dari 0.68 juta MT dalam tahun 1998 ke 1.13 juta MT dalam tahun 2008.

Pada ketika ini pekebun kecil getah telah berupaya mengeluarkan hasil sebanyak 1,400 kg/hektar/thn berbanding 1,100 kg/hektar/thn dalam tahun 1998. Saya yakin produktiviti ini boleh ditingkatkan lagi kerana potensi klon getah yang sedia ada mampu menghasilkan 2,000 kg/hektar/tahun.

17

Untuk meningkatkan produktiviti ini pekebun kecil perlu mengambil tindakan seperti:

- i. Mempastikan bilangan pokok ditoreh sekurang-kurangnya 500 pokok sehektar;
- ii. Meningkatkan bilangan hari menoreh dari purata 11 hari kepada 15 hari sebulan melalui alat kalis hujan;
- iii. Mengamalkan teknologi ransangan;
- iv. Mempastikan pokok diberi baja yang betul dan secukupnya; dan

18

- v. Melaksanakan amalan pertanian yang baik (good agricultural practices).

## **6. USAHAWAN PEKEBUN KECIL GENERASI MUDA**

Purata umur pekebun kecil kini adalah 56 tahun, di mana kemampuan untuk mengusaha kebun sendiri adalah terhad. Bagi mengatasi masalah ini, RISDA telah mengambil langkah untuk melaksanakan pembangunan kebun secara berkumpul seperti tanam semula berkelompok (TSB) dan tanam semula komersial (TSK).

19

di dalam kerja pembangunan secara berkelompok, sudah tentunya ianya memerlukan tenaga kerja yang ramai. Saya menyeru kepada generasi muda tempatan untuk merebut peluang ini.

Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan memerlukan kemahiran, risda ada menyediakan kursus-kursus di Institut Kemahiran Pekebun Kecil (IKPK) yang ada di Ag. Awah Pahang, Bkt. Sireh, Kelantan dan Padang Rengas, Perak.

Setelah memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi, saya mengesa generasi muda menjadi usahawan

20

dalam kerja-kerja pembangunan dan pengeluaran hasil di TSB-TSB dan TSK-TSK.

Dengan kata-kata itu, **saya dengan lafaz bismillahirrahmannirahim merasmikan Majlis Penyampaian Dividen RTBB RISDA Negeri Kelantan.**

**Sekian, wabillahi taufik wasalamualaikum .**